

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30 November 2015

Tun Mahathir sedia hadir Perhimpunan Agung UMNO

UM - 30/11/2015
KUALA LUMPUR 29 Nov.
- Bekas Perdana Menteri,
Tun Dr. Mahathir Mohamad
bersedia untuk menghadiri
Perhimpunan Agung
UMNO 2015 jika menerima
jemputan.

Katanya, beliau mahu
hadir ke perhimpunan
tersebut yang bakal
berlangsung bulan depan
atas kapasiti seorang ahli
UMNO.

Menurutnya,
Perhimpunan Agung UMNO
merupakan perhimpunan
untuk semua ahli UMNO
dan setiap ahli berhak untuk
hadir.

"Kalau dijemput, saya
pergilah. Ini juga parti
saya (tetapi) saya bekas
Presiden UMNO' saja. Walau
bagaimanapun UMNO untuk
semua orang Melayu,"
katanya kepada pemberita
selepas menghadiri Sidang
Kemuncak Kuala Lumpur
2015 di sini.

Beliau mengulas pelawaan
Timbalan Perdana Menteri,
Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid
Hamidi baru-baru ini kepada
beliau bagi menghadiri
Perhimpunan Agung UMNO
2015 yang bakal berlangsung
dari 8 hingga 12 Disember
ini.

Ahmad Zahid berkata
kepada *The Star* dalam
satu wawancara, beliau
berharap Dr. Mahathir
akan menghadiri majlis
itu kerana ahli parti masih
menghormati beliau sebagai
bekas Presiden UMNO.

"Saya amat yakin surat
jemputan akan keluar
tidak lama lagi tetapi
sama ada Dr. Mahathir
menerima atau tidak,
terpulang kepada beliau
untuk memutuskannya.
Majoriti ahli UMNO
masih menghargai beliau
tetapi ada garis antara
menghormati dan menerima
pendapatnya. Ia dua perkara
berbeza," kata Ahmad Zahid
sebagaimana dilaporkan
akhbar itu.